



## UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

### JAWATAN KOSONG PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN (GRED S29)

Pusat Sukan, Universiti Kebangsaan Malaysia ingin mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan (S29) seperti berikut:

• <b>JAWATAN</b>	: Penolong Pegawai Belia dan Sukan
• <b>GRED</b>	: S29
• <b>STATUS</b>	: Kontrak
• <b>TEMPOH LANTIKAN</b>	: Dua (2) tahun
• <b>PENEMPATAN</b>	: Pusat Sukan (Kampus HCTM)
• <b>GAJI</b>	: RM1,493.00 - RM1,770.95
• <b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	: RM300.00
• <b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	: RM160.00
• <b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	: RM350.00

#### **SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK:**

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA CALON BERIKUT:**

- i. Tempat tinggal dalam lingkungan 10km daripada lokasi Kampus HCTM;
- ii. Mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan sukan dan yang berkaitan;
- iii. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- iv. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa;
- v. Bersedia menerima arahan kerja lebih masa sekiranya diperlukan;
- vi. Boleh bekerja pada bila-bila masa seperti diminta;
- vii. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia dan sukan.

#### **RINGKASAN TUGAS:**

Bertanggungjawab membantu melaksanakan program-program serta aktiviti berkaitan belia dan sukan sepenuh masa berhubung;

- Menyelaras aktiviti pelajar dan kakitangan;
- Menjadi setiuusaha kepada kampus cawangan untuk sukan antara gugusan kakitangan;
- Pemudahcara untuk sukan Kampus cawangan;
- Menyelaras tempahan dan penyelenggaraan sukan di kampus cawangan;
- Melaksanakan program sukan dalaman kampus cawangan untuk pelajar dan kakitanganMembantu melaksanakan program latihan atlet, klinik dan kursus sukan bagi membantu persiapan atlet ke sesuatu kejohanan;
- Menerima arahan dari ketua kampus cawangan dari semasa ke semasa.

**CARA MEMOHON:**

- i. Calon boleh membuat permohonan dengan menghantar salinan lembut (*softcopy*) dokumen ke alamat e-mel **kalsom@ukm.edu.my** dengan tajuk - **Permohonan Jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan (Gred S29)**. Berikut adalah dokumen yang perlu dilampirkan untuk permohonan jawatan:
  - *Curriculum vitae (CV)* lengkap;
  - Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau diploma;
  - Sijil kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii. Calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga;
- iii. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses;
- iv. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**Tarikh Buka Iklan : 21 Jun 2023 (Rabu)**

**Tarikh Tutup Iklan : 09 Julai 2023 (Ahad)**